

25 JAN 2004

SEMEMANGNYA TIADA SENJATA PEMUSNAH DI IRAQ, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 25 Jan (Bernama) -- Keyakinan Malaysia bahawa Iraq tidak memiliki senjata pemusnah besar-besaran kini telah terbukti benar apabila pasukan pemeriksa senjata Amerika Syarikat sendiri mengumumkan tiada senjata seperti itu di Iraq.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sejak awal lagi Malaysia telah menyatakan pendirian tegas bahawa Iraq tidak menyimpan senjata pemusnah besar.

"Kita selalu kata tidak ada senjata pemusnah besar (di Iraq), mana boleh sembunyi senjata seperti itu," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas bercuti tiga hari di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Ketua Pasukan Pemburu Senjata Pemusnah Besar Amerika Syarikat di Iraq, David Kay yang mengesahkan senjata pemusnah besar-besaran memang tidak ada lagi di negara Teluk itu.

Menurut laporan akhbar hari ini, Kay berkata beliau percaya senjata itu tidak pernah wujud di Iraq walaupun Rumah Putih mengarahkan siasatan mengenai perkara itu terus dilakukan.

Malaysia menerusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah bersuara lantang membantah tindakan Amerika Syarikat menceroboh Iraq.

-- BERNAMA

MZM MOZ